

# ‘Penghargaan satu langkah proaktif’

## ► Kekaumas setuju pemberian bonus kepada penjawat awam

UB 27.6.13 B4

**KOTA KINABALU:** Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (Kekaumas), Amat Jutrah Haji Musnih bersetuju dengan kenyataan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berhubung pemberian bonus untuk penjawat awam pada tahun ini.

Beliau berkata inilah masanya Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memberikan penghargaan dan satu langkah proaktif kepada semua penjawat awam di Malaysia yang telah memberikan komitmen yang terbaik untuk sama-sama memajukan negara yang tercinta.



“Pembayaran yang paling sesuai adalah sebelum perayaan Aidilfitri tahun ini. Pembayaran seperti ini kita dapat memfokuskan kepada mereka yang berpendapatan rendah yang tidak mampu mengumpulkan perbelanjaan sekali gus,” katanya dalam kenyataan di sini.

**AMAT JUTRAH HAJI MUSNIH**  
Presiden Kekaumas

Cadangan yang telah diluahkan oleh Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam

(Cuepacs), Dato’ Hj Omar Hj Osman, kepada kerajaan adalah satu kenyataan ikhlas daripada penjawat awam yang

berjaya membawa pencapaian yang terbaik dalam membantu kerajaan sebagai mata dan telinga kepada semua rakyat dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab.

Katanya, permintaan lebih sebulan setengah bonus adalah satu jumlah yang sederhana sahaja dan jika perdana menteri memberikan bonus sebanyak dua bulangaji adalah lebih baik berbanding pendapatan negara yang sudah bertambah daripada tahun lepas.

Amat Jutrah berharap pemberian bonus pada tahun ini perlulah dibayar sekali gus sahaja dan bukan seperti tahun lepas dibayar dengan tiga peringkat.

“Pembayaran yang paling

sesuai adalah sebelum perayaan Aidilfitri tahun ini. Pembayaran seperti ini kita dapat memfokuskan kepada mereka yang berpendapatan rendah yang tidak mampu mengumpulkan perbelanjaan sekali gus,” katanya dalam kenyataan di sini.

Pemberian seperti ini akan menaksikan hasrat kerajaan untuk menunaikan janji ditepati seperti yang telah diumumkan sebelum PRU13 baru-baru ini.

Semua penjawat awam yang berjumlah lebih 1.4 juta orang akan tertunggu-tunggu pengumuman berkenaan dalam pembentangan Belanjawan 2014 yang dijadualkan pada 25 Oktober akan datang.

Katanya, Omar selaku pemimpin kesatuan telah menyuarakan permohonan berkenaan bagi pihak pekerja yang mewakili lebih 1.4 juta penjawat awam kepada kerajaan agar mendapat pertimbangan sewajarnya.

Bagi Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah dan Kampus Antarabangsa Labuan, cadangan presiden Cuepacs kepada kerajaan memang amat bertepatan dengan keadaan ekonomi yang telah melonjak tinggi hasil usaha gigih yang telah dilaksanakan semua pihak.

“Saya yakin cadangan pihak kesatuan yang dibawa oleh Dato’ Omar kepada perdana menteri akan dipertimbangkan dengan

sewajarnya,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kekaumas, Salmiah Tertif yakin segala usaha yang telah dibuat oleh seorang pemimpin yang disegani di Malaysia akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang setimpal dengan kejayaan negara pada masa kini.

Timbalan Presiden Kekaumas, Abdul Jalil Sapli pula berkata dengan pemberian bonus oleh kerajaan nanti bukanlah sebagai hadiah kepada penjawat awam di Malaysia bahkan satu pemberian ikhlas yang tidak sepertinya bagi menghargai kecemerlangan penjawat awam yang penuh ranjau dan halangan demi kejayaan kerajaan.